

21 JUL 2002

Mahathir-Kerajaan

RAKYAT BUTA HASILKAN KERAJAAN BUTA, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 21 Julai (Bernama) -- Rakyat yang tidak boleh membezakan antara baik dan buruk akan menghasilkan kerajaan yang sama buta, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata keadaan itu akan wujud apabila kerajaan dipilih oleh orang yang kurang bijak iaitu mereka yang tidak boleh membezakan antara yang baik dan buruk.

"(Sebaliknya) Rakyat yang bijak membezakan antara yang baik dan buruk akan menghasilkan kerajaan yang bijak," katanya di Majlis Pemimpin Bersama Rakyat sempena Konvensyen K3P di padang Institut Latihan Perindustrian Jitra, di sini.

Rakyat, katanya, sudah dikelirukan sekarang antara yang baik dan buruk serta antara pahala dan dosa oleh pihak tertentu.

"Ekoran itu, sekarang orang yang mencarut dan mendedahkan diri juga diberi sokongan," katanya.

Dr Mahathir berkata program K3P (Kumpulan Penonton, Pendengar dan Pembaca) diwujudkan kerajaan bertujuan agar rakyat sedar dan faham dengan keadaan sekeliling serta sesuatu berita yang diterima mereka.

Beliau berkata ia akan membantu rakyat tidak mudah terpengaruh dengan cerita palsu dan khabar angin.

Katanya, ketika ini terdapat bermacam-macam cerita palsu disebar ke seluruh negara untuk mempengaruhi rakyat membenci pemimpin dan kerajaan.

"Apabila kita tidak membaca, tidak mendengar dan tidak menonton, kita tidak boleh membuat penilaian mana yang betul dan mana yang salah.

"Apabila kita tidak dengar perkara yang benar, kita akan buat keputusan yang salah," katanya.

Dr Mahathir berkata dalam pilihan raya kecil yang baru lepas, ramai rakyat terpedaya dan membuat keputusan tidak bijak.

"Apabila rakyat buat begitu, mereka akan jadi mangsa kerana beri jalan kepada orang yang tidak bertanggungjawab buat kesalahan tanpa halangan," katanya.

Beliau berkata rakyat sekarang sudah terkeliru seolah-olah memaki dan mencarut kini boleh diterima dalam masyarakat negara ini, katanya.

Hal ini berlaku kerana orang yang kononnya alim dan terpelajar dalam bidang agama memutarbelitkan ajaran Islam dan menghalalkan yang haram.

"Orang yang kurang berpengetahuan mudah pula dikelirukan kerana orang yang berucap itu berjubah, berjanggut dan berserban," katanya.

Dr Mahathir berkata begitu juga terdapat guru-guru yang sepatutnya mengajar murid membezakan antara yang baik dan buruk, sebaliknya mengajar pula mereka membenci pemimpin dan kerajaan.

Ibu bapa yang tidak boleh membezakan antara yang baik dan buruk pula sudah tentu tidak dapat menjalankan tanggungjawab mendidik anak dengan sempurna dalam mengajar mereka supaya membezakan antara yang baik dan buruk, katanya.

Mengenai ajaran sesetengah pihak supaya jangan bersyukur, Perdana Menteri berkata: "Kalau kita tidak tahu bersyukur, masyarakat akan retak dan porak-peranda,"

Masyarakat saling memerlukan bantuan keluarga, jiran serta kawan dan sudah tentu mereka akan tawar hati untuk membantu lagi jika sipenerima bantuan itu tidak bersyukur dengan bantuan telah diberikan, katanya.

Beliau berkata dengan bersyukur, masyarakat akan dapat merapatkan hubungan antara satu sama lain dan negara menjadi aman serta tenteram.

Dr Mahathir berkata ajaran tidak bersyukur itu sudah menular dengan begitu meluas sekarang kerana terdapat orang yang tidak tahu berterima kasih, bersyukur dan membalas budi.

Masyarakat yang baik dan aman akan menjadi masyarakat yang maju, katanya.

Terdahulu itu, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaacob ketika berucap di majlis itu berkata sejumlah 500 K3P dijangka akan bergerak di negara ini menjelang akhir tahun ini.

Ketika ini, terdapat 400 K3P di seluruh negara, katanya, sambil menambah kata konvensyen K3P peringkat kebangsaan diadakan di Kubang Pasu kali ini atas permintaan penggerak-penggerak K3P sendiri sejak tahun lepas lagi yang mahu melihat pembangunan di kawasan Dr Mahathir menjadi wakil rakyatnya.

Ia juga bagi mengenang jasa Dr Mahathir membangunkan negara selama ini, katanya.

Konvensyen setiap dua tahun sekali itu dianjurkan oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), Jabatan Penerangan dan akhbar Utusan Malaysia.

-- BERNAMA

JM JM MOZ